

21 AUG 1998

Sulaiman-PBB

PEREBUTAN JAWATAN TIDAK PATUT JEJAS PERPADUAN PBB

KUALA LUMPUR, 21 Ogos (Bernama) -- Pemilihan jawatan Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) pada perhimpunan agungnya 28 Ogos ini perlu dianggap sebagai pertandingan dalam satu keluarga dan tidak sepatutnya membawa perpecahan kepada parti itu.

Pengerusi Jawatankuasa Tatatertib PBB Datuk Amar Dr Sulaiman Daud hari ini berkata walaupun pertandingan itu sengit memandangkan tiada perebutan jawatan sejak 12 tahun lepas, calon-calon harus mengutamakan perpaduan parti dalam kempen mereka.

"PBB sangat bernilai bagi perpaduan dan kemajuan negeri Sarawak. Pertandingan merebut jawatan tidak boleh dibiarkan untuk menyebabkan parti berpecah dan mengugat perpaduan," katanya kepada para pemberita di sini.

Beliau berkata PBB sudah membawa banyak kemajuan kepada Sarawak dan para calon dan anggota parti harus berusaha meneruskan kesinambungan perjuangan itu.

Perhimpunan agung PBB akan menyaksikan pertandingan tiga penjurur merebut jawatan Timbalan Presiden.

Penyandang jawatan itu, Datuk Abang Abu Bakar Muustapa yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri, dicabar dua anggota kabinet negeri iaitu Datuk Abang Johari Openg, Menteri Pembangunan Perindustrian dan Datuk Adenan Satem, Menteri Pertanian dan Industri Makanan.

Sebanyak 14 calon lagi bertanding merebut tujuh jawatan Naib Presiden pada perhimpunan itu, yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Sulaiman, yang juga Menteri Pertanian, berkata setakat ini tiada calon yang merebut jawatan tertinggi parti itu memaklumkan untuk menarik diri.

"Semua orang mempunyai peluang. Jumlah percalonan tidak boleh dijadikan ukuran," katanya.

Beliau berkata anggota parti harus memilih calon berdasarkan sumbangan kepada parti dan kerajaan.

-- BERNAMA

MT NAK